

28/09/1999

Pembangkok ketandusan isu lakukan vandalisme

Shariffudin Mohamed

DALAM kamus terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka DB), 'desperado' bererti orang yang berputus asa dan sanggup melakukan sesuatu tanpa banyak perhitungan walaupun kadang-kadang melanggar undang-undang.

Istilah ini ditujukan kepada penyokong parti pembangkang oleh Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno yang juga Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Sukam, ketika mengulas kejadian merobohkan papan tanda Umno dan menconteng gambar pemimpin negara di Kuantan.

"Saya sifatkan golongan ini sebagai 'desperado' kerana sudah tidak lagi mempunyai isu untuk diketengahkan kepada rakyat selepas berjaya ditangkis pemimpin negara," katanya.

Osu juga menjelaskan parti pembangkang ketandusan isu, apatah lagi isu seperti kegawatan ekonomi sudah dapat ditangani kerajaan dengan berkesan.

Melihat kejadian berunsur vandalisme ini, jelas sekali ada pihak dalam parti pembangkang semakin berani melakukan apa saja, termasuk perkara yang menyalahi undang-undang.

Pada mulanya, Internet digunakan untuk memaki hamun kerajaan dan apabila mendapati cara itu kurang berkesan, mereka beralih mengadakan perhimpunan haram kononnya untuk menuntut keadilan.

Kini, papan tanda Umno dan gambar pemimpin negara pula dirosakkan apabila mendapati perjuangan mereka tidak mendapat sambutan.

Pihak berkenaan turut kecewa kerana terlalu lama menunggu pengumuman pembubaran Dewan Rakyat yang hanya boleh ditentukan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri.

Tambahan pula strategi Umno mengadakan majlis penerangan mengenai keadaan politik semasa mula menyerapi hati rakyat di peringkat akar umbi, sekali gus mengurangkan keyakinan orang ramai terhadap parti pembangkang.

Pasukan Gerak Kerja (Gerak 10) di bawah Pergerakan Wanita Umno yang ditugaskan melawat suri rumah dari rumah ke rumah juga membantu parti tunjang Barisan Nasional (BN) menangkis dakwah dan tohmahan pembangkang terhadap kerajaan.

Lawatan Dr Mahathir ke beberapa negeri sedikit sebanyak berjaya menarik semula mereka yang terpengaruh dengan dakwah dan tohmahan parti pembangkang kepada pangkuan kerajaan.

Ternyata, majlis penerangan kepada rakyat yang dibuat pemimpin kerajaan dan Umno di seluruh negara meresahkan parti pembangkang dan penyokong mereka.

Ini termasuk persiapan pilihan raya yang sudah mula digerakkan Umno, termasuk lawatan setiap ahli Majlis Tertinggi MT) ke bahagian bagi memantau persiapan masing-masing.

Kegelisahan parti pembangkang membuatkan penyokong mereka sanggup melakukan perbuatan seperti merosakkan papan tanda Umno dan menconteng gambar Dr Mahathir.

Mengulas kejadian merosakkan gambar pemimpin negara, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaman, berkata parti pembangkang kini semakin bimbang dengan peningkatan jentera pilihan raya BN, terutamanya Umno di setiap bahagian.

Beliau berkata, sikap seperti menconteng gambar pemimpin negara dan merobohkan papan tanda Umno menggambarkan keresahan penyokong parti pembangkang.

"Kita memulakan kerja mengikut masa dan strategi serta arahan pucuk pimpinan parti, bukannya sesuka hati.

"Belum tiba masanya, kita bergerak secara keseluruhan, memadai dengan peringkat sekarang, termasuk melawat rumah ke rumah melalui Gerak 10 bagi mengumpul maklumat.

"Ini membuatkan penyokong parti pembangkang resah berikutan Umno sedang rancak mengatur strategi, sehingga ada yang sanggup merosakkan papan tanda kita," katanya.

Zaharah berkata, golongan terbabit akan berbuat apa saja kerana parti sokongan mereka semakin kurang mendapat sambutan sekarang.

(END)